



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 21 OGOS 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kad fleet akan dibatalkan jika disalah guna

IPOH - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan bertindak membatalkan mana-mana kad fleet bagi pembelian bahan api bersubsidi jika ia disalah gunakan.

Timbalan Ketua Pengarah Penguat Kuasa (Operasi) KPDN, Shamsul Nizam Khalil berkata, pihaknya mengesan modus operandi baharu penyelewengan bahan api bersubsidi menggunakan kad fleet bagi tujuan pembelian bukan untuk kenderaan yang digunakan.

Menurutnya, kes salah guna kad fleet tersebut setakat ini dikesan berlaku di Pulau Pinang dan Selangor dan ia sudah diambil tindakan oleh KPDN.

"Berdasarkan pemantauan kita ketika ini, terdapat trend atau modus operandi baharu untuk menyeleweng petrol RON95 dan diesel. Oleh itu, pihak KPDN telah pun mengambil tindakan terhadap pihak-pihak tertentu menyalahgunakan kad fleet tersebut dengan cara membeli menggunakan kad fleet tetapi bukan untuk kegunaan kenderaan terbabit.

"Kita akan mengambil tindakan undang-undang di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan

sekiranya terbukti, kad fleet itu boleh dibatalkan dan diambil tindakan oleh KPDN terhadap pemegang kad fleet," katanya kepada pemberita.

Beliau berkata demikian selepas menyempurnakan Program Advokasi dan Serahan Arahan Pengawal Bekalan Kepada Pengusaha Stesen Minyak di Negeri Perak di Dewan Utama Kolej Poly-Tech Mara (KPTM) Ipoh pada Selasa.

Ujarnya, pembelian minyak diesel menggunakan kad fleet membolehkan pengguna yang layak menikmati bahan api itu pada harga RM2.15 seliter berbanding harga semasa.

Jelasnya, bagi mengekang ketirisan subsidi bahan api itu berlaku, KPDN mengadakan program advokasi dan serahan Arahan Pengawal Bekalan kepada pengusaha stesen minyak di negeri-negeri yang bersempadan dengan Thailand.

Katanya, Arahan Pengawal Bekalan itu diberikan sebagai peringatan kepada semua stesen minyak supaya melaporkan kepada KPDN sekiranya terdapat mana-mana kenderaan mengisi minyak diesel atau petrol RON95 secara berulang.



SHAMSUL NIZAM

Ringgit kukuh dan penurunan harga barangan import

RINGGIT mencecah paras tertinggi dalam tempoh 18 bulan ketika ini apabila melonjak kepada 4.3805/3580 berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) ketika ditutup pada jam 6 petang Isnin.

Kadar itu merupakan prestasi terbaik mata wang tempatan dalam tempoh sejak 14 Februari 2023.

Ketua Ahli Ekonomi Bank Muamalat Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid berkata, ringgit terus menunjukkan daya tahan dan berprestasi baik berbanding dolar AS, meletakkan ringgit sebagai antara mata wang berprestasi terbaik di rantau Asia.

Jelasnya, lonjakan itu didorong oleh kebimbangan yang semakin reda terhadap kemelesetan di AS, dengan indikator ekonomi menunjukkan kemungkinan negara berkenaan mengalami pertumbuhan ekonomi sederhana.

Secara teorinya, pengukuhan nilai ringgit ini dilihat mampu membawa kepada penurunan harga, terutamanya melibatkan barangan yang diimport.

Bagaimanapun, kesan penurunan harga ini bukanlah dapat dilihat esok atau lusa, sebaliknya ia akan mengambil masa mungkin dalam masa sebulan dua sebelum rakyat negara ini boleh melihat impak pengukuhan ringgit ke atas harga barang.

Untuk jangka masa sederhana dan panjang, pengukuhan ringgit juga bakal membantu mengekang kenaikan harga makanan terutamanya yang diimport seperti bawang, sayur-sayuran dan buah-buahan apatah lagi negara menyaksikan nilai jumlah import makanan pada tahun 2023 berjumlah RM78.7 bilion.

Biarpun begitu, terdapat kebimbangan dalam kalangan rakyat jelata bahawa penurunan ringgit ini mungkin tidak membawa kesan besar terhadap penurunan harga barangan import.

Ini berdasarkan dakwaan bahawa harga barangan di negara ini sukar untuk turun setelah naik meskipun faktor yang menyebabkan harga barangan itu naik sebelum ini telah bertambah baik.

Sehubungan itu, pihak berkuasa terutamanya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) perlu memastikan harga barangan import terutamanya makanan di negara ini dalam tempoh sebulan dua lagi turun selaras dengan pengukuhan ringgit.

Jika ringgit kini terbaik dalam tempoh 18 bulan, harga makanan import ini perlulah turun menghampiri harga pada 18 bulan lepas, jika tidak boleh menyamai harga ketika itu sekali pun.

Tak guna ringgit mengukuh jika harga barangan import masih tidak mampu diturunkan.



Sam, Shairan and the others doing a gimmick against artificial lubricants.

Fake products: KPDN warns of stern action

Lagatah Toyos

TAWAU: The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) takes seriously the issue of the sale of suspected fake products or goods, including lubricating oil, in the district.

Tawau KPDN Chief Enforcement Officer Sam Aminudin said they will not tolerate to take strict action according to the law.

"Although we have not received any complaints regarding the sale of counterfeit goods in the district, we will continue to conduct intelligence on business premises, including gas stations," he said.

He called for cooperation of the product holders to provide related information to enable further action to be taken and to protect the rights of consumers.

"Traders or individuals found to be involved in selling counterfeit goods face investigation and action under the Consumer Protection Act 1999, the Trade Description Act 2011, the Trademark Act 2019 and the Trade Description Order," he said.

"The acts are to protect consumers because they do not want parties to make false or misleading representations in terms of the type, standard, grade, quality, style or specific model of a product," he said at the "Identify Fakes, Ensure Authenticity, Protect Quality" event, organised by Shell Malaysia in collaboration with Teck Guan Trading Sdn Bhd, here, Tuesday.

Also present were Shell Malaysia Managing Director Shairan Huzaini Husain and Teck Guan Group Executive Deputy Chairman Datuk Hong Kim Fah.

Sam said one of the reasons why

traders sell low-quality or fake goods is because they want to make more profit, not thinking about the problems, or misfortunes and safety risks that buyers would face when using the products.

He said consumers have the right to get authentic, quality and safe goods and services.

For offences under Section 25 of the Consumer Protection Act 1999, he said traders can be fined up to RM250,000 for organisations and RM100,000 for individuals and three years in prison.

As for counterfeit lubricating oil products, he said KPDN and the Malaysian Industrial Standards and Research Institute (Sirim) have proposed the "Genuine Product Certification Scheme", which is a certification and reference standard.

Shairan said the issue of selling artificial lubricating oil is worrying because it can have a negative impact on the reputation, brand and business owner, and even dangerous for consumers.

According to him, the results of laboratory tests on product samples sold on e-commerce platforms and also retailers who claim to sell genuine Shell lubricating oil products, found that 20 of the 105 bottles sold were counterfeit.

Therefore, he appreciated the enforcement authorities and business owners for paying serious attention to the issue to help combat the manufacturing and distribution of fake lubricating oil.

"Shell Malaysia will also continue to educate consumers on how to distinguish genuine Shell lubricants and will curb counterfeit products sold in illegal channels," he added.



SAM dan Shairan serta yang lain ketika melakukan gimik memerangi minyak pelincir tiruan.

Tiada kompromi ke atas pihak jual produk tiruan

Lagatah Toyos

TAWAU: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) memandang serius isu penjualan produk atau barangan tiruan, termasuk minyak pelincir, di daerah ini.

Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDN Tawau, Sam Aminudin berkata, pihaknya tidak akan bertolak ansur untuk mengambil tindakan tegas berdasarkan undang-undang.

Menurutnya, meskipun pihaknya belum menerima sebarang aduan penjualan barang tiruan di daerah ini, KPDN akan terus membuat risikan premis perniagaan, termasuk di stesen-stesen minyak.

Beliau juga meminta kerjasama pemegang produk supaya memberikan maklumat berkaitan kepada pihaknya bagi membolehkan tindakan lanjut diambil, sekali gus dapat melindungi hak-hak pengguna.

"Peniaga atau individu yang didapati terlibat aktiviti menjual barang tiruan boleh dikenakan tindakan dan siasatan mengikut Akta Perlindungan Pengguna 1999, Akta Perihal Dagangan 2011, Akta Cap Dagangan 2019 dan Perintah Perihal Dagangan," katanya.

Katanya, akta-akta terbabit adalah untuk melindungi pengguna kerana tidak mahu terdapat pihak membuat representasi palsu atau mengelirukan dari segi jenis, standard, gred, kualiti, gaya atau model tertentu bagi sesuatu produk.

Beliau ditemui media sempena majlis 'kenali yang palsu, memastikan ketulenan, melindungi kualiti' anjuran Shell Malaysia dengan kerjasama Teck Guan Trading Sdn Bhd, di sini, pada Selasa. Hadir sama, Pengarah Urusan Shell Malaysia, Shairan Huzaini Husain dan Timbalan Pengerusi Eksekutif Teck Guan Group, Datuk Hong Kim Fah.

Sam berkata, antara sebab peniaga menjual barang tidak berkualiti atau

tiruan adalah kerana ingin mengaut keuntungan lebih, tidak memikirkan masalah, atau musibah dan faktor keselamatan yang bakal dihadapi pembeli ketika menggunakan produk tersebut.

Sedangkan, katanya pengguna mempunyai hak untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan yang baik, berkualiti dan selamat (bukan tiruan).

Tambahnya, bagi kesalahan mengikut Seksyen 25 Akta Perlindungan Pengguna 1999, peniaga boleh dikenakan denda sehingga RM250,000 untuk pertubuhan dan RM100,000 kepada individu serta penjara tiga tahun.

Bagi kes pemalsuan produk minyak pelincir pula, katanya, KPDN dan Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) sudah mencadangkan jalan penyelesaian dengan pelaksanaan 'Genuine Product Certification Scheme' iaitu pensijilan dan rujukan standard.

Sementara itu, Shairan berkata, isu penjualan minyak pelincir tiruan adalah membimbangkan kerana boleh memberi kesan negatif kepada reputasi, jenama dan pemilik perniagaan, malah berbahaya kepada pengguna.

Menurutnya, hasil ujian makmal ke atas sampel produk dijual di platform e-dagang dan juga peruncit yang mendakwa menjual produk minyak pelincir Shell tulen, mendapati 20 daripada 105 botol yang dijual adalah tiruan.

Justeru, beliau menzahirkan pengharagaan kepada pihak penguatkuasa dan pemilik perniagaan yang memberi perhatian serius terhadap isu terbabit atas usaha mereka memerangi aktiviti pembuat dan pengedaran minyak pelincir tiruan.

"Shell Malaysia juga akan terus mendidik pengguna tentang cara membezakan minyak pelincir tulen Shell dan akan membendung produk tiruan yang dijual di saluran tidak sah," katanya lagi.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **AGENSI**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

SSM terima 591 aduan syarikat tawar pelaburan haram



Ahmad Sabki (belakang tujuh dari kanan) bersama penerima Wakalah Zakat Korporat sempena Program Bimbingan Usahawan di Seremban pada Selasa.

SEREMBAN - Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) merekodkan sebanyak 591 aduan syarikat yang menawarkan pelaburan secara fraud dan pelaburan di bawah Skim Kepentingan 2016, bermula 2022 hingga Julai lalu.

Pengerusi SSM, Ahmad Sabki Yusof berkata, statistik itu menunjukkan bahawa penipuan pelaburan masih menjadi masalah yang serius dalam negara.

"Sebanyak 28 penipuan pelaburan dan tiga kes penipuan Skim Kepentingan 2016 dicatatkan pada 2022 dan ia naik mendadak kepada 320 kes pada tahun lepas melibatkan penipuan pelaburan, manakala Skim Kepentingan 2016 sebanyak 46 kes.

"Setakat Julai lepas pula, 190 kes penipuan pelaburan direkodkan dan empat kes penipuan Skim Kepentingan 2016," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Bimbingan Usahawan Peringkat Negeri Sembilan

2024 di sini pada Isnin.

Ujarnya, usaha berterusan dalam mendidik dan memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai isu penipuan ini adalah penting untuk memastikan orang awam tidak mudah terjebak dalam gejala pelaburan haram.

"SSM telah mengambil inisiatif menggerakkan kempen kesedaran berkaitan *Scam Alert* sejak 2018 bagi menyebarkan maklumat dan ciri-ciri pelaburan haram," katanya.

Sementara itu, mengenai program berkenaan, beliau berkata, pendedahan awal dalam bidang perniagaan adalah amat penting dalam membentuk budaya keusahawanan yang kukuh di negara ini.

Tambahnya, dalam mencapai objektif ini, SSM turut memperkenalkan pelbagai inisiatif bagi mewujudkan kesedaran berkenaan kepentingan pendaftaran perniagaan, strategi serta kaedah pemasaran digital.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN & AGENSI



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 21 OGOS 2024

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
21-Aug	Jual barang kawalan tanpa lesen, 2 peniaga diambil tindakan	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/08/1287372/jual-barang-kawalan-tanpa-lesen-2-peniaga-diambil-tindakan	BERITA HARIAN
21-Aug	KPDN SERBU PREMIS JUAL BARANGAN BER-SUBSIDI MELEBIHI HARGA KAWALAN, TAHAN WAGA ASING	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2331234	BERNAMA
21-Aug	Two premises raided for selling overpriced subsidised goods	https://thesun.my/local-news/two-premises-raided-for-selling-overpriced-subsidised-goods-BD12882939	THE SUN
21-Aug	Direktori CBO diperluas, tangani kes komuniti setempat - Nancy	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/08/1287288/direktori-cbo-diperluas-tangani-kes-komuniti-setempat-nancy	BERITA HARIAN
21-Aug	Salah guna fleet card, lesen boleh dibatalkan	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/salah-guna-fleet-card-lesen-boleh-dibatalkan	BERITA RTM
21-Aug	KPDN batalkan kad fleet jika salah guna	https://www.sinarharian.com.my/article/681225/berita/semasa/kpdn-batalkan-kad-fleet-jika-salah-guna	SINAR HARIAN
21-Aug	KPDN batal fleet card syarikat salah guna, seleweng diesel bersubsidi	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/08/1287485/kpdn-batal-fleet-card-syarikat-salah-guna-seleweng-diesel-bersubsidi	BERITA HARIAN
21-Aug	Syarikat salah guna 'fleet card', seleweng diesel bersubsidi akan dibatal kemudahan	https://www.buletintv3.my/nasional/syarikat-salah-guna-fleet-card-seleweng-diesel-bersubsidi-akan-dibatal-kemudahan/	BULETIN TV3
21-Aug	Kad fleet boleh dibatalkan jika salah guna – KPDN	https://mgperak.com/kad-fleet-boleh-dibatalkan-jika-salah-guna-kpdn/	MALAYSIA GAZETTE PERAK

21-Aug	KPDN batal fleet card syarikat salah guna, seleweng diesel bersubsidi	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1124989/kpdn-batal-fleet-card-syarikat-salah-guna-seleweng-diesel-bersubsidi	HARIAN METRO
21-Aug	KPDN batal kemudahan 'fleet card' jika pemiliknya salah guna, menyeleweng	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-batal-kemudahan-fleet-card-jika-pemiliknya-salah-guna-menyeleweng-484353	ASTRO AWANI
21-Aug	Diesel mahal, penyeludup beralih kepada petrol RON95	https://www.kosmo.com.my/2024/08/20/penyeludup-beralih-kepada-petrol-ron95/	KOSMO
21-Aug	KPDN serbu premis jual barangan bersubsidi melebihi harga kawalan, tahan warga asing	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-serbu-premis-jual-barangan-bersubsidi-melebihi-harga-kawalan-tahan-warga-asing-484334	ASTRO AWANI
21-Aug	KPDN serbu penyeludup barangan tiruan di Kuala Lumpur	https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-serbu-penyeludup-barangan-tiruan-di-kuala-lumpur/	BULETIN TV3
21-Aug	KPDN Tawau serius tangani penjualan barang tiruan	https://www.utusanborneo.com.my/2024/08/20/kpdn-tawau-serius-tangani-penjualan-barang-tiruan	UTUSAN BORNEO